

Ribuan al-Quran cuba diseludup guna kontena dirampas

Klang: Kementerian Dalam Negeri (KDN) merampas ribuan naskhah al-Quran bernilai RM502,800 yang cuba diseludup masuk menggunakan kontena di Pelabuhan Utara di sini, kelmarin.

Difahamkan, kitab suci dari Indonesia itu diseludup bagi pasaran tempatan dan dijual secara dalaman bertalian permintaan tinggi terutama menjelang Ramadan.

Bagaimanapun, al-Quran berkenaan tidak diisytiharkan dalam dokumen Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), selain tidak dapat kebenaran import daripada Lembaga Pengawalan, Pelesenan dan Pencetakan Teks Al-Quran (LP-PPQ).

Cubaan itu dibongkar Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan (PKK) KDN Selangor yang merampas semua al-Quran berkenaan untuk tindakan lanjut.

Pengarahnya, Feisal Mohd Ali, berkata rampasan dibuat selepas pihaknya menerima maklumat ter-

ri pada JKDM berkaitan satu kontena yang mengandungi kitab suci itu, kira-kira jam 2 petang kelmarin.

"Sepasukan 10 pegawai dan anggota berkegas ke pelabuhan berkenaan untuk menjalankan pemeriksaan menyeluruh.

"Ia membawa kepada penemuan 192 kotak mengandungi 5,050 naskhah al-Quran bersaiz kecil dan besar dianggar bernilai RM502,800.

Naskhah berasal dari Indonesia

"Semua naskhah berasal dari Indonesia dan membabitkan empat jenis terbitan," katanya pada sidang media di Pejabat PKK KDN Bandar Bukit Tinggi di sini, semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 7 (1) dan Seksyen 8 Akta Percetakan al-Quran (APTQ) 1986 kerana mengimport teks al-Quran tanpa kebenaran LPPQ, selain tidak mengandungi maklumat ter-

tentu yang ditetapkan.

"Kita masih menjalankan siasatan lanjut termasuk mengenal pasti pemilik sebenar pengimport semula naskhah al-Quran itu bagi membantu siasatan," katanya.

Feisal berkata, kandungan al-Quran itu dikhuatiri menyalahi dari segi ayat dan baris sehingga boleh menyebabkan umat Islam salah membaca serta menyimpang daripada maksudnya.

"Al-Quran itu mempunyai kandungan yang turut dieja dalam tulisan rumi sedangkan Majlis Fatwa Kebangsaan sudah mengharumkan ejaan ayat suci dalam tulisan berkenaan.

"Kami dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut mendapati ia tidak mengikut konsep resam Uthmani yang ditetapkan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut menjalankan pemeriksaan di pejabat pos, pusat kurier dan premis menjual teks al-Quran di negeri ini.

[FOTO FAIZ ANUAR/BH]



Feisal pada sidang media di Pejabat Cawangan KDN Klang, semalam.